



Anwar merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2024 di Pusat Konvensyen Ipoh, semalam.

(Foto L Manimaran/BH)

‘Henti cerita konon kerajaan mahu ubah Islam agama rasmi’

PM dedah tuduhan palsu cuba timbulkan ketakutan dalam kalangan rakyat

Oleh Mohamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pembangkang menghentikan cerita khayalan kononnya kerajaan mahu mengubah ketetapan Islam sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Mendedahkan dakwaan itu dibuat seorang pemimpin pembangkang baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, kenyataan itu adalah tuduhan palsu yang sengaja mahu menimbulkan ketakutan dalam kalangan rakyat supaya membenci kerajaan.

Beliau menegaskan tidak pernah mana-mana pemimpin kerajaan menolak prinsip bahasa Melayu, agama Islam, hak istimewa orang Melayu, kedudukan Raja-Raja sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri dalam tempoh dua tahun ini.

“Ada baru-baru ini seorang tokoh pembangkang yang guna lambang Islam katanya kerajaan ini akan meninggalkan landasan, menukar prinsip Islam dalam perlembagaan.

“Ini khayalan apa? Tidak ada, Datuk Seri Saarani (Mohamad) ada di Ipoh (di sini), KSN (Ketua Setiausaha Negara) ada di sini. Tidak pernah disuarakan atau dibicarakan,” katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2024 Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Ipoh, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Hazami Jahari.

“Dalam sejarah manusia ada disebut *tyranny of minority* merujuk kalangan penghasut pengganas, kelompok yang menggunakan saluran dan suara kebencian permusuhan, menggunakan payung agama atau bangsa dan menipu rakyat,” kata Perdana Menteri.

Boleh kritik, jangan fitnah

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan tidak menghalang mana-mana pihak mengkritik kerajaan, namun tidak bermakna boleh memfitnah terutama menyentuh isu kaum, agama dan raja (3R).

“Kritiklah dasar ekonomi kita, kritiklah (nilai) ringgit, kritiklah Perdana Menteri tidak bijak dalam banyak hal.

“Tetapi tidak boleh khianat, dusta, fitnah, menakutkan rakyat seolah-olah kita sudah merosakkan soal bahasa, bangsa, agama atau raja,” katanya.

Beliau berkata pembangkang sepatutnya bersama-sama dengan kerajaan dalam memelihara kestabilan dan keharmonian negara yang wujud kerana keamanan negara dikekalkan.

Anwar juga mengingatkan segelintir golongan elit yang terlalu mengagungkan bahasa asing supaya tidak memperkecilkan usaha pemeraksanaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Katanya wujud seruan daripada kelompok yang terlalu ghairah dan obses terhadap bahasa Inggeris yang mana sikap itu disifatkan beliau sebagai aneh.

Katanya bahasa Melayu mesti diutamakan sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan walaupun beliau sendiri menyarankan rakyat menguasai bahasa Inggeris bagi mendepani zaman digital, kecerdasan buatan (AI) dan peralihan tenaga.

“Ini bukan masalah rakyat Ipoh atau di kampung (yang) tak jadi masalah. Hanya masalah beberapa elit yang tercabut daripada akar tradisi budaya, bangsa dan negara,” katanya yang turut ditujukan kepada sektor swasta.

Mengulas lanjut, Anwar berkata sejarah perjuangan bahasa Melayu sudah melalui suatu laluan berliku sehingga tercetus peristiwa Keranda 152 pada 1967.

Katanya penekanan terhadap sesuatu bahasa tidak seharusnya bersifat ‘zero-sum game’, sehingga meminggirkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Beliau berkata, sebarang penekanan dalam aliran persekolahan untuk menggunakan bahasa lain seperti Cina dan Tamil tidak sepatutnya mengurangkan penekanan terhadap Bahasa Melayu, yang mempunyai kedudukan istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan dan dasar Pendidikan Negara.

Sementara itu, berucap merasmikan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Heawood di Sungai Siput, Perdana Menteri berkata, kerajaan bersetuju supaya ruang tambahan bagi latihan Bahasa Cina dan Tamil diperbanyakkan di institusi perguruan, selain daripada Bahasa Kebangsaan.